

17 DEC 1996
SOROTAN-SUKAN
SUKA DUKA SUKAN NEGARA 1996

Oleh: ARUL RAJOO

KUALA LUMPUR: Ketika negara menghitung hari menjelang Sukan Komanwel 1998, skandal dadah yang menjebak pelari pecut Azmi Ibrahim menghantui prestasi atlit tahun ini.

Pelari pecut berusia 20 tahun itu, yang pernah mendapat tempat di kalangan lima pelari terpantas di Asia, gugur daripada senarai tersebut apabila beliau didapati bersalah kerana menggunakan Furosemide (sejenis bahan larangan) yang kini digantung daripada beraksi selama empat tahun.

Kesatuan Olahraga Amator Malaysia yang juga pernah mencetuskan pelbagai kontroversi mahu Azmi dilarang beraksi selama dua tahun tetapi cadangan itu ditolak oleh Persekutuan Olahraga Amator Antarabangsa. Pengunduran awal Azmi daripada acara trek memang menyedihkannya tetapi di sebalik peristiwa itu, terselit keperluan yang mendesak agar pihak tertentu (baik daripada kalangan pegawai, orangramai mahupun media) mengurangkan tekanan ke atas atlit muda supaya menunjukkan prestasi cemerlang.

Persaingan sengit antara Azmi dengan Watson Nyambek dalam acara 100 meter menghasilkan rekod kebangsaan baru 10.33 saat yang dicatatkan oleh Watson. Tetapi kesudahannya, Azmi terpaksa menanggung akibatnya apabila beliau didapati mengambil dadah semasa Sukan Malaysia (SUKMA) di Kuantan Jun lalu.

SUKMA diilhamkan dengan harapan dapat mencungkil bakat-bakat baru. Tetapi sekarang, negeri-negeri terbabit membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk cuba menandingi satu sama lain semasa menganjurkan acara itu. Kedah, di bawah pucuk pimpinan Menteri Besar yang baru, Datuk Seri Sanusi Junid, enggan bersaing apabila mengumumkan pengundurannya daripada menjadi tuanrumah SUKMA 1998.

Selangor mengambil alih tugas tersebut tetapi kini terlibat dalam perebutan dengan Kementerian Belia dan Sukan berhubung penyertaan ahli sukan yang menjadi latihan bagi Sukan Komanwel dalam SUKMA. Kementerian berkenaan melarang atlit yang menyertai Sukan Komanwel mengambil bahagian dalam SUKMA 1998.

Bukan Azmi seorang sahaja yang terbabit dalam masalah dadah. Lapan ahli bina badan juga digantung daripada beraksi dalam acara itu selama dua tahun kerana menggunakan steroid anabolic. Usaha Persekutuan Bina Badan Malaysian menjalankan ujian secara rambang amat dialu-alukan.

Ketika Azmi dan arena olahraga memberi gambaran yang suram, acara badminton kembali menyerlah apabila pasukan negara merangkul dua pingat dalam Sukan Olimpik di Atlanta setelah kecundang dalam pertandingan Piala thomas di Hong Kong Mei lalu.

Malaysia hampir meraih pingat emasnya yang pertama. Bagaimanapun, Cheah Soon Kit dan Yap Kim Hock berpuashati dengan pingat perak manakala Rashid Sidek, finalis Kejohanan All-England 1996, menempa nama untuk dirinya dengan memenangi pingat gansa.

Namun, arena badminton tidak terlepas daripada kekecohan apabila Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dan badan profesional, Nusa Mahsuri terus bertelagah angkara perselisihan peribadi.

Pergolakan terus berlaku apabila ketua jurulatih, Razif Sidek meletakkan jawatan September lalu mankala bakat baru, Roslin Hahsim dan Ismail Samad meninggalkan persatuan kebangsaan itu untuk menjadi pemain profesional.

Harapan masih cerah apabila Jeremy Gan dan Chan Chong Ming memenangi acara bergu lelaki dalam Kejohanan remaja Sedunia di Denmark.

Selain badminton, satu-satunya pelumba jalan kakai, Annastasia Karen Raj menunjukkan prestasi yang baik di Atlanta manakala yang lain, kecundang. Beliau mencatatkan rekod kebangsaan yang baru (45 minit 47 saat) dalam acara 10km dengan menduduki tempat ke-24 daripada 44 pelumba.

Ketika acara badminton menghasilkan pingat Olimpik, 1996 milik pemain bowling sensasi, Shalin Zulkifli. Beliau mencatatkan rekod dunia yang baru dengan menjatuhkan 1387 pin dalam kejohanan Remaja Asia di Genting Highlands Januari lalu.

Sepuluh bulan kemudian, beliau hampir menjadi pemain termuda untuk merangkul juara dunia apabila menduduki tempat kedua dalam Kejohanan Piala Dunia di Belfast.

Dalam acara bolasepak pula, pasukan kebangsaan yang terkejut dengan penarikan diri jurulatih berwibawa dari Peranchis, Claude Le Roy Januari lalu, kembali menunjukkan taring setelah tidak menyerlah selama beberapa tahun.

Di bawah pemimpin Wan Jamak Hassan, pasukan Malaysia menunjukkan permainan yang agak cemerlang dalam Kejohanan Piala Pra-Asia sungguhpun mereka gagal melayakkan diri ke pusingan akhir. Pada bulan September, mereka jatuh di tempat kedua di belakang Negeri Thai dalam perlawanan Piala ASEAN di Singapura.

Dan buat pertama kali, Malaysia tampil dalam acara antarabangsa di peringkat dunia apabila pasukan negara melayakkan diri ke perlawanan Piala Dunia Lima Sebelah Futsal di Sepanyol.

Namun, kejelekan bolasepak Malaysia masih wujud. Perbalahan di kalangan pegawai dan kelemahan pengurus pasukan Liga Perdana terus menjadi isu utama manakala perbuatan mengatur perlawanan pula nampaknya dapat dihentikan.

Berita yang sungguh mengejutkan dalam arena bolasepak ialah apabila pemain import Terengganu dari Uzbekistan, Alexander Kojukhov membunuh diri kerana didakwa kecewa dengan pembayaran gaji terakhirnya oleh pasukan bolasepak negeri.

Di Pahang, pengurus pasukan, Tajuddin Nor dan Pegawai Perhubungan Awam, Abdah alif dipecat kerana membelanjakan kira-kira RM230,000 untuk bermain bolasepak Argentina, Alberto Naves yang pulang ke tanahair setelah bermain tidak sampai pun satu perlawanan kerana kecederaan lama yang dialaminya.

Pasukan hoki negara terus tampil dalam Kejohanan Olimpik tetapi menduduki tempat kesebelas daripada 12 pasukan yang bertanding di Atlanta. Bagaimanapun, pemergian mereka ke Atlanta mencetuskan kontroversi.

Kanada mendakwa Malaysia dan India mengatur perlawanan masing-masing dalam Kejohanan Pra-Olimpik di Sepanyol. Tetapi, Persekutuan Hoki Antarabangsa menolak kes itu kerana kekurangan bukti.

Skuasy, salah satu acara sukan yang paling teratur di negara ini, terus membuktikan keunggulannya. Januari lalu, Leong Siu Lynn memenangi acara perseorangan wanita Kejohanan Asia di Jordan manakala pasukan wanita turut meraih pingat emas di sana.

Masalah pembiayaan kerap menjadi isu utama badan-badan sukan sehingga projek rakan Sukan dilancarkan. Namun, masalah terus menghantui projek murni itu apabila beberapa persatuan menghentikan penajaan masing-masing.

Persatuan Bolajaring, Renang dan Bowling Padang berpecah kongsi secara aman manakala perjanjian MAAU dengan Resort World digantung.

Dengan masa tidak sampai dua tahun sebelum Sukan Komanwel '98 berlangsung di Kuala Lumpur, Sukan Ninety Eight Berhad sedang sibuk membuat persiapan termasuk menandatangani beberbagai-bagai perjanjian tajaan manakala pembinaan Majlis Sukan Negara dan program latihan atlit berjalan lancar.

Bagaimanapun, perselisihan faham berhubung tarikh antara Sukan Komanwel di KL itu dengan Kejohanan Olahraga Piala Dunia 1998 di Afrika Selatan menyebabkan Malaysia serba salah. IAAF enggan memberi kebenaran kepada

sukan Komanwel kecuali tarikh baru ditetapkan.

Malaysia akhirnya mengalah dengan menangguhkan hari pembukaan lewat sehari dengan tarikh baru ditetapkan dari 11 hingga 21 September dalam usaha menarik peserta-peserta unggul menyertai Sukan Kuala Lumpur itu.

Ketika negara mengorak langkah untuk menjadi sebuah negara sukan yang terkenal, semakin banyak acara sukan antarabangsa berlangsung di sini. Antaranya, acara Gran Prix Motosikal Sedunia, Kejohanan Skuasy Wanita Sedunia, Tour de Langkawi bernilai RM1 juta dan pusingan akhir perlawanan bolasepak pra-olimpik.

Dan, pada 1999, Malaysia akan menjadi tuanrumah perlumbaan Formula One. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad adalah penggerak yang berjaya membawa acara itu ke Malaysia. -- Bernama